
Nama :

Kelas :

Arahan :

1. Kertas soalan ini mengandungi **20 soalan aneka pilihan**. Jawab semua soalan.
 2. Klik pilihan jawapan pada **A, B, C** atau **D**.
 3. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator.
-

1. Nombor perlapanan bagi nombor perpuluhan 1008_{10} ialah
 - A 126_8
 - B 1760_8
 - C 1870_8
 - D 1980_8

2. Nombor perpuluhan bagi nombor perlapanan 177_8 ialah
 - A 127_{10}
 - B 177_{10}
 - C 721_{10}
 - D 771_{10}

3. Nombor perlapanan bagi nombor perduaan 1111100110_2 ialah
 - A 1746_8
 - B 7630_8
 - C 763_8
 - D 746_8


4. Nombor perduaan bagi nombor perlapanan 247_8 ialah
 - A 10100101_2
 - B 10100110_2
 - C 10100111_2
 - D 100100111_2

5. Nombor perlapanan bagi nombor perpuluhan 4560_{10} ialah
- A 720_8
 - B 820_8
 - C 10720_8
 - D 10820_8
6. Apakah nombor perenambelasan bagi nombor perpuluhan 678_{10} ialah
- A $2A6_{16}$
 - B $2B6_{16}$
 - C $2C6_{16}$
 - D $2D6_{16}$
7. Nombor perenambelasan bagi nombor perduaan 111110011010_2 ialah
- A 15910_{16}
 - B $C578_{16}$
 - C 7632_{16}
 - D $F9A_{16}$
8. Berikut adalah nombor perpuluhan yang telah ditukar daripada nombor perenambelasan dengan betul, **kecuali**
- A $476_{16} = 1139_{10}$
 - B $356_{16} = 854_{10}$
 - C $514_{16} = 1200_{10}$
 - D $289_{16} = 649_{10}$
9. Nombor perduaan bagi nombor perenambelasan $2BC_{16}$
- A 10101110_2
 - B 10101111_2
 - C 101011110_2
 - D 1010111100_2

10. Satu siri langkah yang tersusun untuk menyelesaikan sesuatu masalah dipanggil _____ .
- A carta alir
 - B algoritma
 - C pseudokod
 - D pengaturcaraan
11. Antara berikut, yang manakah perwakilan algoritma ?
- I kod atur cara II carta alir III peta minda IV pseudokod
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan IV
 - D III dan IV
12. Dalam membina algoritma, struktur kawalan manakah yang sesuai digunakan untuk menghadkan pengeluaran tunai sebanyak RM5000 sehari dari mesin pengeluaran wang automatik (ATM)?
- A struktur kawalan dwipilihan
 - B struktur kawalan ulangan for
 - C struktur kawalan ulangan while
 - D struktur kawalan pelbagai pilihan
13. Jenis data apakah yang sesuai digunakan apabila mendapatkan berat seseorang ?
- A char
 - B float
 - C string
 - D integer
14. Jenis data **string** sesuai digunakan untuk mendapatkan
- A nama
 - B berat
 - C tinggi
 - D umur

15. Dalam membina algoritma, struktur kawalan manakah yang sesuai digunakan untuk memberi gred markah ujian murid ?
- A struktur kawalan ulangan
 - B struktur kawalan pilihan tunggal
 - C struktur kawalan dwipilihan
 - D struktur kawalan pelbagai pilihan
16. Pilih sintaks yang sesuai untuk mendapatkan berat seseorang.
- A `berat = float(input("Masukkan berat anda : "))`
 - B `berat = integer(input("Masukkan berat anda : "))`
 - C `berat = string(input("Masukkan berat anda : "))`
 - D `print ("Masukkan berat anda : ")`
17. Pilih sintaks yang sesuai untuk mendapatkan **umur** seseorang.
- A `umur = integer(input("Masukkan umur anda : "))`
 - B `umur = string(input("Masukkan umur anda : "))`
 - C `umur = float(input("Masukkan umur anda : "))`
 - D `print ("Masukkan umur anda : ")`
18. Struktur kawalan pilihan yang terbenam dalam struktur kawalan pilihan yang lain disebut _____ ?
- A struktur kawalan ulangan
 - B struktur kawalan dwipilihan
 - C struktur kawalan pelbagai pilihan
 - D struktur kawalan pilihan bersarang

Soalan 19 berdasarkan carta alir dalam Rajah 1.



19. Struktur kawalan yang manakah ditunjukkan dalam carta alir tersebut ?

- A struktur kawalan ulangan *for*
- B struktur kawalan ulangan *while*
- C struktur kawalan pelbagai pilihan
- D struktur kawalan pilihan bersarang

Baca dan fahami situasi di bawah dengan teliti.

Warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas layak mengundi jika individu ini telah mendaftar sebagai pengundi.

20. Struktur kawalan yang manakah sesuai digunakan untuk menyelesaikan masalah yang diberi ?

- A struktur kawalan ulangan *for*
- B struktur kawalan ulangan *while*
- C struktur kawalan pelbagai pilihan
- D struktur kawalan pilihan bersarang